

TARIKH	JUMAAT, 23 FEBRUARI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KETUA YAKUZA DIDAKWA JUAL BAHAN NUKLEAR DARI MYANMAR
M/S	28
BIDANG	NUCLEAR
KATA KUNCI	NUCLEAR MATERIALS

# Ketua Yakuza didakwa jual bahan nuklear dari Myanmar



Ebisawa menguji pelancar roket ketika pertemuan dengan seorang pemberi maklumat dan dua anggota polis Denmark yang dalam penyamaran di sebuah gudang di Copenhagen, Denmark. (Foto REUTERS)

**New York:** Pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) mendakwa seorang penjenayah yang juga ketua kumpulan Yakuza kerana memiliki bahan nuklear diperoleh dari Myanmar dan cuba menjualnya untuk membiaya pembelian senjata haram.

Dalam pertuduhan di sebuah mahkamah di Manhattan, ketua Yakuza, Takeshi Ebisawa dan defendan bersama, Somphop Singhasiri, sebelum ini pernah didakwa pada April 2022 atas kesalahan mengedar dadah serta senjata api dan keduanya kini direman.

Menurut Penolong Peguam Negara, Matthew Olsen dari Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Kehakiman, defendan dituduh didapati bersubahat untuk menjual bahan nuklear gred senjata dan narkotik dari Myanmar, termasuk membeli senjata tentera bagi kumpulan pemberontak bersenjata.

“Jabatan Kehakiman bertanggungjawab ke atas mereka yang memperdagangkan bahan ini dan mengancam keselamatan AS serta kestabilan antarabangsa,” katanya.

Mengikut dokumen pendakwaan, senjata tentera yang menjadi ‘barang dagangan’ menjadi sebahagian daripada perjanjian senjata, termasuk peluru berpandu darat ke udara.

Pada 2020, Ebisawa pernah memberitahu seorang pegawai yang dalam penyamaran bahawa dia mempunyai akses kepada sejumlah besar bahan nuklear yang hendak dijual.

Dia turut memberikan gambar bahan itu bersama kaunter Geiger yang merekodkan bacaan radiasi.

Ketika operasi dijalankan bersama ejen yang menyamar, pihak berkuasa Thailand membantu penyiasat AS untuk merampas dua serbuk kuning yang disifatkan defendan

sebagai ‘kek kuning’.

“Makmal (AS) menentukan bahawa komposisi isotop plutonium yang terdapat dalam sampel nuklear ‘kek kuning’ itu adalah gred senjata,” katanya.

Mengikut pendakwaan itu, Ebisawa mencadangkan untuk menggunakan hasil penjualan bahan nuklear untuk membiayai pembelian senjata bagi pihak kumpulan pemberontak yang tidak dinamakan.

Ebisawa berdepan hukuman minimum mandatori 25 tahun penjara kerana cuba memperoleh peluru berpandu dan 20 tahun penjara kerana mengedar bahan nuklear pada peringkat antarabangsa.

Pendakwa raya menggambarkan Ebisawa sebagai ketua sindiket jenayah terancang Yakuza, iaitu rangkaian jenayah transnasional Jepun yang sangat teratur dan beroperasi di seluruh dunia. AFP

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM